

GeneSTAT mampu kesan influenza, selesema burung, demam denggi

Sejam kesan DNA babi

Oleh **MOHD. ROMZI MUHAMAD**

pengarang@utusan.com.my

■ **KUALA LUMPUR 13 APRIL**

SEBUAH mesin pengesan *asid deoksiribonukleik* (DNA) babi diperkenalkan oleh Kaysha Kencana Sdn. Bhd. (Kaysha Kencana) bagi mengesan sebarang unsur-unsur babi yang terdapat dalam makanan atau peralatan di negara ini.

Pengurus Pembangunan Perniagaan Kaysha Kencana, Shamsul Bharin Abdul Aziz berkata, mesin *polymerase chain reaction* (PCR) yang berjenama GeneSTAT dihasilkan Universiti Putra Malaysia (UPM) menggunakan teknologi *HaFYS Porcine DNA Detection System* mampu mengeluarkan keputusan dalam tempoh sejam serta mengesan kandungan zat babi sekecil 0.001 peratus.

"Mesin ini dijual dengan harga RM90,000, ia bukan sahaja berfungsi untuk mengesan DNA babi malah turut mengesan influenza, selesema burung dan demam denggi.

"Kami baru sahaja bertemu de-

ngan wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) untuk menerangkan fungsi mesin tersebut dan kami akan membuat pembentangan tidak lama lagi," katanya dalam sidang akhbar selepas mengadakan demonstrasi penggunaan mesin itu di Pejabat Daerah Gombak di sini hari ini.

Yang turut hadir, Orang Besar Daerah Gombak, Tan Sri Wan Mahmood Pawan Teh.

Demonstrasi pengesan DNA babi itu turut disertai oleh Jabatan Agama Islam Gombak, Majlis Perbandaran Selayang (MPS) dan Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) yang menerima penerangan serta melihat sendiri proses-proses ujian tersebut dijalankan syarikat terbabit.

Sementara itu, Wan Mahmood berkata, aspek halal merupakan perkara terpenting bagi orang Islam sama ada berkaitan dengan makanan atau peralatan.

"Mesin ini dapat mengesan makanan atau peralatan yang digunakan bebas daripada unsur-unsur babi selain memastikan premis atau kedai mengikuti syarat sijil halal Jakim," katanya.



MAZLAN MUSTAFFA melakukan demonstrasi ujian DNA babi menggunakan GeneSTAT di Pejabat Daerah Gombak, Selangor, semalam. - UTUSAN/HALIM KHALID